



Panik punca jadi mangsa Macau Scam

BAGI tempoh setengah tahun bermula Januari hingga Jun lalu, lebih 380 kes penipuan Macau Scam dicatatkan di Pahang membabitkan kerugian RM5.9 juta.

Jumlah itu bersamaan dua kes dilaporkan setiap hari di negeri tersebut, sekali gus menggambarkan penjenayah meraih habuan ribuan ringgit melalui cara yang menyalahi undang-undang pada setiap 24 jam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, Su-perintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, penjenayah menggunakan modus operandi yang serupa dalam hampir semua kes.

"Mangsa dihubungi individu menyamar pegawai bank, polis atau pihak mahkamah. Kemudian, mangsa dikatakan disiasat berhubung kes pengubahan wang haram.

"Mangsa seterusnya diminta membuat pemindahan wang untuk menyelamatkan baki duit yang masih ada kerana akaun bank akan dibekukan. Permulaan jalan ceritanya hampir sama," kata beliau kepada pemberita baru-baru ini.

Berdasarkan penjelasan pihak polis, modus operandi penjenayah dalam kes-kes berkenaan kerap mempamerkan putar belit penyamaran sebagai pegawai bank.

Tujuannya adalah untuk meraih kepercayaan mangsa supaya takut akaun bank mereka dibekukan dan membuat transaksi pemindahan wang ke dalam akaun milik individu tidak dikenali untuk menyelamatkan baki duit yang ada.

Kes-kes sedemikian tidak hanya dilaporkan di Pahang, sebaliknya ia merupakan satu masalah jenayah nasional yang berlaku di seluruh negara pada setiap hari.

Pengarah JSJK Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Seri Amar Singh Ishar Singh baru-baru ini berkata, setiap tahun Macau Scam mengakibatkan kerugian lebih RM100 juta di seluruh negara.

Ketua Polis Selangor, Datuk Mazlan Mansor berkata, RM16.6 juta kerugian dilaporkan di negeri itu bagi tempoh Januari hingga Jun lalu membabitkan peningkatan 149 peratus berbanding tempoh sama pada 2017.

"Jika dilihat punca, mangsa bertindak sedemikian kerana takut dan panik selepas suspek mengatakan mangsa terlibat jenayah dan akan menangkap mangsa," katanya.

Di sisi lain terutama bagi kes melibatkan penyamaran sebagai



Menjengah Minda

Bersama SHAHRULANOOR ISHAK

Modus operandi penjenayah dalam kes-kes berkenaan kerap mempamerkan putar belit penyamaran sebagai pegawai bank

pegawai bank, ia mungkin didorong oleh kebiasaan pihak bank menghubungi pelanggan.

Ia juga mungkin kerana mangsa pernah beberapa kali dihubungi pihak bank dan menyangka penjenayah itu juga benar-benar mewakili institusi perbankan tertentu.

Dalam kebanyakan kes, mangsa mengakui mereka was-was terhadap setiap perkara yang diberitahu oleh pemanggil tersebut, namun sikap cepat panik akhirnya menguasai diri mereka sehingga tidak berupaya berfikir panjang.

Sebaiknya, sejeurus menamatkan perbualan telefon bersama individu tidak dikenali, kita harus bertenang dan bukan menggelabah dengan segera memindahkan wang ke dalam akaun milik orang lain seperti diarahkan.

Ambil masa untuk bertenang dan berfikir. Kemudian hubungi pihak bank menggunakan nombor yang sah untuk bertanya dan membuat semakan.

Langkah tersebut penting kerana kita harus menyemak sendiri dengan pihak bank sama ada benar-benar mempunyai bayaran tertunggak seperti dimaklumkan.

Jika diberitahu kononnya mempunyai kes di mahkamah, cuba bertanya kepada individu itu, di mahkamah mana dan bila kes tersebut difailkan berserta nombor kes.

Seterusnya, kita hendaklah hubungi Bahagian Pendaftar Mahkamah tersebut menggunakan nombor telefon yang sah untuk menyemak sama ada wujud kes membabitkan nama kita.

Paling penting ialah lakukan semakan sendiri dengan membuat panggilan menggunakan nombor telefon yang sah.

Jangan pula segera membuat semakan menggunakan nombor telefon yang diberi individu tidak dikenali.

Kalau benar anda disiasat polis atas kesalahan tertentu, lebih baik tampil ke balai polis terdekat untuk membuat semakan dan membantu siasatan.